

**CURRENT  
AWARENESS  
SERVICE**

JUNE 2016  
ISSUE NO. 6

# INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA • THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY



## **TAN SRI DR. ALI HAMSA MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN INTEGRITI KE-12**

Berita penuh muka surat 8





### EDITORIAL / EDITORIAL

03 Inisiatif INTEGRITI untuk generasi masa depan

### INTEGRITY ART NIGHT / MALAM SENI INTEGRITI

04 *Integrity Art Night* raikan Ramadan

### ROUND TABLE DISCUSSION / PERBINCANGAN MEJA BULAT

05 Rukun Negara: *The force for fostering unity among the various races in Malaysia*

06 Tingkatkan integriti banteras ekonomi gelap

### NEWS / BERITA

07 INTEGRITI dan PDRM tandatangani Nota Kerjasama

08 Usaha gigih INTEGRITI dapat pujian

10 INTEGRITI dokumentasikan sejarah Pelan Integriti Nasional

### FEATURES / RENCANA

11 Pendidikan Integriti dan Kedai Amanah

12 *Instil integrity in the young*

### NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU PUSAT ILMU INTEGRITI

14 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu INTEGRITI

### WHAT'S IN THE NEWS / BERITA TERKINI

15 *IGP: PDRM launches Integrity Plan 2016-2020 to provide world-class policing service*

### GALLERY / GALERI

15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di INTEGRITI

## EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

#### Advisor

Dr. Anis Yusal Yusoff

#### Editor

Zubayry Abady Sofian

#### Staff Writer

Norsheeda Din

#### Photographer

Rosalizawati Arshad

#### Contributors

Fison Hamdi Ahmad  
Zareena Izmin Ismail  
Anuar Hj. Ahmad  
Harisham Ibrahim  
Rajesegari a/p Krishnan

#### Assistant Editors

Nor Azni Ahmad Husairi (Malay)  
Aimi Farhana Mohd Amin  
(English)

#### Cover

Aryzam Rahim

Published monthly by

**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: [www.integriti.my](http://www.integriti.my)

# INISIATIF INTEGRITI UNTUK GENERASI MASA DEPAN

Bulan Jun 2016 genap setahun saya di INTEGRITI. Dalam masa setahun yang lalu cabaran paling getir adalah untuk memuaskan kehendak semua pihak. Masing-masing mempunyai pendapat tentang apa yang perlu dilakukan untuk membudayakan integriti dalam kalangan masyarakat. Malah masing-masing juga mempunyai persepsi tentang tahap integriti dalam negara. Tidak kira apa penemuan kajian atau bukti empirikal, setiap pihak mempunyai pandangan yang berbeza-beza.

Apa yang menarik, rakyat negara kita lebih tegas dalam menghukum atau memberi pendapat tentang tahap integriti dalam negara ini. Kalau ada suruhanjaya antara negara untuk mengkaji tahap integriti setiap negara, kita mungkin diberi Gred C. Tetapi jika ditanya kepada rakyat Malaysia, Gred C tadi akan turun ke D atau mungkin juga ada yang berpendapat kita patut diberi Gred F.

Perkara seperti ini berlaku kerana semua orang mengambil peduli isu integriti dalam negara kita. Apapun pendapat dan persepsi masyarakat, yang penting kita harus sedar bahawa masalah ini ada di hadapan kita dan ia perlu ditangani segera.

Pelbagai usaha telah diambil oleh INTEGRITI sejak setahun yang lalu untuk mempelbagaikan kaedah ke arah usaha membudayakan integriti dalam kalangan rakyat Malaysia. Buletin *Current Awareness Service* (CAS) ini, sebagai contoh, adalah wadah untuk kami berkongsi maklumat kepada ahli-ahli institut ini, rakan kerjasama pintar kami, jabatan-jabatan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil dan semua pihak tentang program dan aktiviti INTEGRITI dan perkembangan kepada usaha-usaha baharu yang telah kami laksanakan.

Pada masa yang sama, sambil kita berkongsi maklumat dan menerima cadangan daripada semua pihak, kami di INTEGRITI perlu memikirkan tentang apa yang praktikal dan memberi impak tinggi dengan kos yang rendah. Seperti agensi di bawah pembiayaan kerajaan pusat yang lain, INTEGRITI turut sama berhadapan dengan pengurangan dana operasi iaitu sebanyak 49 peratus berbanding tahun lalu. Namun pengurangan ini tidak bermaksud usaha membudayakan integriti harus dihentikan. Sebaliknya,

menjadi iltizam kepada INTEGRITI untuk mengadakan usaha sama dengan pelbagai pihak bagi menampung kos program yang dilaksanakan oleh INTEGRITI.

Bagi separuh tahun kedua 2016, dari Jun-Disember, antara lain INTEGRITI akan memberi tumpuan ke atas program-program yang memfokus kepada generasi muda dan belia. Malah salah satu program aktiviti yang dirancang adalah untuk membentuk modul bagi kanak-kanak prasekolah. Kami bercadang untuk mengguna modul ini sebagai projek rintis dengan beberapa tadika untuk kami fahami sejauh mana modul ini berkesan dalam membentuk sikap dan membina nilai-nilai murni dalam kalangan anak-anak kita. Bak kata peribahasa Melayu, “melentur buluh biarlah dari rebungunya”. Justeru, INTEGRITI ingin memberi penumpuan ke atas generasi akan datang.

Sekiranya usaha rintis ini menunjukkan kesan yang positif, INTEGRITI akan mengangkat kertas cadangan kepada kerajaan untuk modul ini diguna pakai di semua sekolah tadika milik kerajaan dan menggalakkan tadika swasta agar turut menggunakan modul tambahan ini demi memastikan keberkesanan usaha membentuk generasi berintegriti tinggi pada masa hadapan. Semoga segala usaha kita ini diberkati Tuhan.

Sekian, salam hormat.

Selamat membaca!

**Anis Yusal Yusoff, PhD**

# INTEGRITI ART NIGHT RAIKAN RAMADAN

Oleh Fison Hamdi Ahmad



Sekali lagi Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan *Integrity Art Night* pada 24 Jun lalu di Auditorium Integriti.

Namun, pada kali ini ia menampilkan sedikit kelainan apabila program berkenaan yang juga dianjurkan bersama Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Anak Soleh Malaysia (ASMAL) turut meraikan kehadiran Ramadan al Mubarak.

Sempena bulan yang mulia dan penuh berkat itu, para tetamu diberi peringatan dengan persembahan sketsa pendek daripada kumpulan teater ASMAL bertajuk 'Raikan Ramadan' yang juga menjadi tema majlis pada malam itu. Sketsa pendek tersebut

mengetengahkan isu pergolakan antara iman dan nafsu dalam diri manusia di sepanjang bulan Ramadan.

Selain itu, majlis turut mengadakan bacaan surah Yasin beramai-ramai yang kemudian disusuli dengan alunan selawat dan puji-pujian kepada junjungan besar Nabi Muhammad saw oleh kumpulan Selawat ASMAL. Bacaan selawat tersebut dipimpin oleh Imam Muda Pak Lah.

Menurut Setiausaha Agong ASMAL, Encik Salman Al-Farisi, kerjasama menganjurkan majlis ini merupakan detik permulaan ke arah hubungan usaha sama yang lebih baik antara kedua-dua pihak pada masa hadapan. Malahan, ia dilihat sebagai kesinambungan kepada

program perbincangan meja bulat yang pernah diadakan pada Mei lalu.

Pada masa yang sama, INTEGRITI turut melihat penganjuran majlis yang sedemikian perlu sebagai langkah untuk menjalinkan kerjasama yang berpanjangan dengan seniman-seniman tanah air khususnya dengan penggiat nasyid dalam menyebarkan mesej integriti melalui seni, budaya dan warisan.



Suasana sepanjang *Integrity Art Night*

# RUKUN NEGARA: THE FORCE FOR FOSTERING UNITY AMONG THE VARIOUS RACES IN MALAYSIA

By Zareena Izmin Ismail



When was the last time we recite the whole of *Rukun Negara* or even sing our National Anthem of '*Negaraku*'? INTEGRITI in its effort of staying relevant and keeping abreast of current issues and affairs found that it is crucial to hold a discussion on the topic of '*Rukun Negara Teras Integriti Penganut Pelbagai Agama di Malaysia: Impian atau Realiti*' due to the deterioration of faiths among the society which leads to the trickle-down effects of disrespecting the laws and system.

The roundtable discussion was held on the morning of June, 23rd with the panel of speakers comprising of Dr Chandra Muzaffar, Chairperson of The Board of Trustees of 1Malaysia Foundation cum Member of INTEGRITI's Board of Directors, Dr Wendy Yee Mei Tien, Senior Lecturer at the Centre for the Initiation and Industrial Training (CItra) of

the Malaya University, and Mr. Wan Saiful Wan Jan, Chief Executive Officer of the Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS). The session was moderated by Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin, Deputy Chief Executive Officer of INTEGRITI.

The discussion was held with the aim of gathering all, if not most religious institutions and NGOs in Malaysia under one roof to deliberate on the historical importance of the inception of *Rukun Negara*. It is hoped that through this understanding, these institutions and organisations can play a crucial role in moulding the integrity of the nation while maintaining a democratic way of life in the freedom to practise different faiths in the country.

Balance is the key to the formation of the Malaysian integrity. Hence, the need

to identify the meeting point between various faiths may be detailed from the *Rukun Negara* itself in the attempt to shape the nation's integrity and furthermore identify approaches and strategies appropriate to strengthen the unity and understanding of different faiths and cultural beliefs grounded by the basis of our *Rukun Negara*.

Not just a text behind the cover of every exercise book used by primary and secondary Malaysian public school students, the *Rukun Negara* should be lived, learned and loved by all levels of society as it promotes good universal values that encompasses of religious aspect, loyalty to king and country, respecting the Constitution and legislation as well as being morally good and well-mannered which is after all a very important principle that all Malaysians should learn to adopt and adhere.

# TINGKATKAN INTEGRITI BANTERAS EKONOMI GELAP

Oleh Anuar Hj. Ahmad

Kegiatan ekonomi haram atau 'ekonomi gelap' (*underground economy*) bukanlah suatu yang baharu. Malahan angka kes yang melibatkan kegiatan berkenaan dilihat berada pada tahap yang membimbangkan. Misalnya, pada tahun lalu sahaja, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka 26,101 kertas siasatan yang melibatkan pelbagai kes salah laku seperti perjudian, pelacuran, pinjaman tanpa lesen dan penggubahan wang haram.

Rentetan daripada itu, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan satu perbincangan meja bulat yang bertajuk 'Strategi Bagi Mengekang Kegiatan Ekonomi Gelap' pada 9 Jun lalu yang berlangsung di Dewan Murni.

Ahli-ahli panel yang diundang untuk membentangkan kertas kerja masing-masing berkenaan isu tersebut ialah pegawai yang bertugas dengan Pasukan Petugas Anti Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap (D7), Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Superitendan Fadlisyam Abdul Majid, Felo Penyelidik Kanan, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr. Shankaran Nambiar dan Timbalan Presiden Gabungan

Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), En. Mohd Yusof Abdul Rahman. Antara lain yang turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid.

Menurut wakil EPU, kajian yang pernah dijalankan selama beberapa tahun sebelum ini menunjukkan bahawa kerajaan telah mengalami kerugian sebanyak 30 peratus daripada jumlah keluaran dalam negara kasar (KDNK) akibat kegiatan ekonomi gelap yang berlaku dalam negara.

Pada masa yang sama, ekonomi gelap juga dilabelkan sebagai aktiviti yang sukar untuk dibendung, apatah lagi dengan dasar Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mengehadkan pengeluaran lesen syarikat pengendali pinjaman wang berlesen kepada 60 sahaja setiap tahun dengan syarat mereka memiliki modal berbayar sebanyak RM2 juta. Lanjutan daripada pelaksanaan dasar tersebut, syarikat pinjaman wang tanpa lesen (loan shark) telah tumbuh bagaikan cendawan yang mengenakan caj faedah yang tinggi sehingga mencecahkan 20 hingga 30 peratus sebulan tanpa mengendahkan

peruntukan Akta Pinjaman Wang 1951 (Akta 400) mahupun kesulitan yang dihadapi peminjam. Akta tersebut menggariskan bahawa kadar faedah bagi pinjaman bercagar adalah dihadkan kepada 12 peratus setahun, manakala 18 peratus setahun pula melibatkan pinjaman tanpa cagar.

Kegiatan ekonomi haram wajar ditangani dengan serius. Justeru, bagi membendungnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan agensi-agensinya seperti PDRM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta Suruhanjaya Sekuriti (SC) perlu bertindak lebih agresif termasuklah dengan mengadakan operasi secara berkala dan bersepadu. Sementara itu, tahap integriti anggota penguatkuasaan juga harus diperkukuhkan agar mereka tidak mudah goyah dengan 'godaan menarik' daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, manakala dewan perniagaan dan persatuan pengguna pula seharusnya mendidik serta selalu memberi peringatan kepada ahli masing-masing supaya sentiasa mengutamakan integriti dalam menjalankan perniagaan.



Para peserta bergambar kenangan pada akhir program



Suasana ketika program

# INTEGRITI DAN PDRM TANDATANGANI NOTA KERJASAMA

Oleh Harisham Ibrahim

Majlis menandatangani Nota Kerjasama antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) pada 21 Jun yang lalu di Dewan Theatre, Bukit Aman, Kuala Lumpur nyata amat bermakna kerana ia memberikan gambaran hubungan yang akrab antara kedua-dua organisasi dalam mendukung dan membudayakan integriti.

Dalam majlis berkenaan, INTEGRITI telah diwakili oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Anis Yusal Yusoff, sementara Ketua Polis Negara, YDH Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar mewakili PDRM. Selain itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Arkib Negara Malaysia (ANM) turut menandatangani nota kerjasama dengan PDRM.

Acara penuh bermakna itu juga disaksikan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Dato' Sri Alwi Hj. Ibrahim dan Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), YA Datuk Yaacob Hj. Md. Sam.

Ketika berucap, Tan Sri Dato' Sri Khalid menegaskan bahawa PDRM sentiasa komited dalam melaksanakan misinya untuk



Datuk Paul Low Seng Kuan menyaksikan Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar berjabat tangan dengan Dr. Anis Yusal Yusoff sebagai sahaja Nota Kerjasama selesai ditandatangani

memberikan perkhidmatan yang profesional dan berkualiti dalam usaha melindungi negara, sekali gus menjamin keselamatan, kesejahteraan dan keamanan masyarakat.

"Kita akur bahawa integriti penting kepada organisasi, terutamanya kepada PDRM yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran, sama ada dari dalam mahupun luar organisasi. Integriti ini merangkumi semua amalan positif yang ada dalam sesebuah organisasi," ujar beliau lagi.

Daripada Nota Kerjasama yang ditandatangani, hubungan kerjasama antara INTEGRITI dan PDRM adalah meliputi program latihan untuk meningkatkan integriti anggota PDRM dan pelaksanaan penyelidikan yang turut membabitkan kajian keberkesanan terhadap semua program serta aktiviti yang telah dilaksanakan. Selain itu, menerusi kerjasama ini, satu kajian pembangunan juga akan dijalankan bagi membantu meningkatkan integriti dan produktiviti warga pasukan PDRM.

Turut berlangsung dalam majlis yang sama ialah pelancaran Buku Kod Etika PDRM, Manual Pematuhan Standard PDRM dan Pelan Integriti PDRM 2016-2020 yang merupakan kesinambungan kepada Pelan Integriti PDRM sebelum ini.





Ahli-Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI. (Dari kiri) Tan Sri Haji Abu Kassim Mohamed, Dr. Anis Yusal Yusoff, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal

## USAHA GIGIH INTEGRITI DAPAT PUJIAN

Oleh Azni Husairi

**B**angga. Itulah yang dirasakan oleh warga kerja Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) apabila menerima ucapan tahniah yang bertalu-talu daripada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan ahli-ahli INTEGRITI sepanjang Mesyuarat Agung Tahunan INTEGRITI ke-12 berlangsung pada 14 Jun 2016 di Auditorium Integriti, sekali gus menjadi petanda yang segala jerih perih sejak setahun lalu dihargai dan diperakui.

Lebih membanggakan apabila ucapan berkenaan lahir sendiri daripada bibir Pengerusi INTEGRITI, Tan Sri Dr. Ali Hamsa yang juga merupakan Ketua Setiausaha Negara.

Berucap ketika mempengerusikan mesyuarat berkenaan, Tan Sri Dr. Ali menyifatkan usaha penstrukturan dan penjenamaan yang bermula pada bulan Jun 2015 telah

menampakkan hasil kerana dalam tempoh yang singkat INTEGRITI telah berjaya melaksanakan pelbagai perubahan yang memberi impak kepada persekitaran.

“Penerimaan baik masyarakat terhadap program-program yang dijalankan oleh INTEGRITI seperti *Breakfast Talk*, *Integrity Art Night* dan *Roundtable Discussion* yang sejak daripada awal lagi telah mendapat liputan yang meluas oleh media massa juga merupakan suatu pencapaian yang boleh dibanggakan. Malahan, buku *Roots to Fruits* terbitan INTEGRITI turut diterjemahkan ke dalam bahasa Georgia oleh Integrity Action di Georgia,” ujar Tan Sri Dr. Ali.

Sepanjang mesyuarat berlangsung, pelbagai pandangan dan saranan telah diutarakan kepada INTEGRITI. Antaranya ialah agar organisasi berkenaan memberikan perhatian



Ahli-Ahli Lembaga Pengarah. (Dari kiri) Tan Sri Haji Ambrin Buang, Dr. Chandra Muzaffar, Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo dan Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid





Ahli-Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI. (Dari kiri) Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad dan Tan Sri Ranjit Ajit Singh

kepada isu kanak-kanak jalanan serta mewujudkan projek khas berhubung punca utama penurunan indeks penjawat awam dalam kajian Persepsi Integriti Nasional (KPIN). Dalam menjalankan pelbagai program integriti, INTEGRITI juga tidak harus melupakan pelajar sekolah rendah dan golongan muda.

Mengulas tentang pencapaian INTEGRITI, Dr. Anis berkata kejayaan membuat *mapping* yang tepat bagi mengenal pasti masalah yang perlu ditangani segera menyumbang kepada penyediaan program yang padu. Selain itu, INTEGRITI juga kini sedang dalam proses penyediaan dan pembinaan *dashboard* INTEGRITI bagi tujuan sebagai indikator untuk diukur bagi semua inisiatif yang dilaksanakan oleh organisasi berkenaan.

Sehingga kini, INTEGRITI telah menjalankan pelbagai inisiatif dan program sama ada di peringkat dalam negara mahupun serantau. Malahan, ada antaranya bersifat tahunan seperti Konvensyen Integriti Nasional dan Dialog Integriti ASEAN.

Sebilangan ahli-ahli INTEGRITI yang hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan INTEGRITI ke-12



# INTEGRITI DOKUMENTASIKAN SEJARAH PELAN INTEGRITI NASIONAL

Oleh Rajesegari a/p Krishnan dan Azni Husairi

Pelan Integriti Nasional (PIN) telah dilancarkan oleh YAB Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi pada 23 April 2004 sebagai salah satu inisiatif kerajaan untuk menanam dan memupuk budaya integriti dalam kalangan masyarakat negara ini. Namun, sehingga kini tidak ramai yang mengetahui siapakah individu-individu penting di sebalik tabir penggubalan pelan berkenaan.

Justeru, bersama dengan Arkib Negara Malaysia, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) mengambil inisiatif mengadakan beberapa sesi temu bual berasingan di Studio Lisan Arkib Negara Malaysia bagi mendokumentasikan sejarah PIN agar ia dapat dikongsi dan dimanfaatkan oleh masyarakat serta generasi Malaysia masa depan.

Sebagai permulaan, sesi temu bual tersebut telah diadakan bersama Felo Utama Institut Kajian Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Emeritus Dato' Abdul Rahman Embong pada 21 Jun dan

(Dari kiri) Prof. Emeritus Dato' Abdul Rahman Embong dan Pengarah Kanan INTEGRITI, En. Mohd Nizam Ali




dengan Pengarah IKMAS, Prof. Dr. Rashila Ramli pada 29 Jun. Sesi seterusnya dijadualkan akan diadakan pada bulan Ogos berikutnya.

Mengimbu kembali sejarah penggubalan PIN, seramai lima orang penyelidik dari UKM telah ditugaskan pada tahun 2003 untuk merangka pelan berkenaan. Prof. Emeritus Dato' Abdul Rahman yang kini merupakan Felo Utama INTEGRITI pada waktu itu telah dilantik sebagai ketua, manakala Prof. Dr.

Rahimah Abdul Aziz sebagai timbalan. Selain mereka dan Prof. Dr. Rashila, individu lain yang turut terlibat merangka PIN ialah Prof. Madya Dr. Rokiah Hj. Ismail dan En. Mohamad Zaki Ibrahim.

Rakaman sejarah lisan ini penting bukan semata-mata untuk tujuan dokumentasi, tetapi juga sebagai penghargaan kepada usaha murni kelima-lima tokoh perintis kepada PIN. Semoga aspirasi PIN sentiasa mendapat sokongan semua rakyat Malaysia.

Will be launched soon!



## A National Integrity System

A National Integrity System is needed to provide the overarching framework that would be useful reference by all sundry. It could also be made workable by introducing some key elements and corresponding instruments that measure the progress, or lack of, in the integrity agenda framing and monitoring.

For queries and purchase, kindly contact  
Pusat Ilmu INTEGRITI at 03-6209 2038  
(Wan Kamaliah Wan Dagang) or 03-  
6209 2039 (Mohd Fadzly Mohd Poad) or  
email [think@integriti.my](mailto:think@integriti.my)



# PENDIDIKAN INTEGRITI DAN KEDAI AMANAH

Oleh Mohd Hafizdi Che Md Akhir  
Disiarkan dalam Utusan Malaysia, 16 Jun 2016

Laporan Ketua Audit Negara 2015 baru saja dikeluarkan pada bulan April 2016. Setiap tahun kerajaan menanggung kerugian yang amat banyak hasil daripada kes-kes yang sentiasa berulang-ulang. Kesemua masalah yang tidak berintegriti ini timbul disebabkan oleh kecuaiian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan; kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender; tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/perunding; kurang kemahiran dalam pengurusan projek; kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek dan kekurangan peruntukan untuk perolehan/penyenggaraan aset.

Mana kala, statistik jumlah tangkapan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pula menunjukkan peningkatan tangkapan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pada tahun 2013, sebanyak 509 tangkapan, 2014 pula sebanyak 552 tangkapan, dan ianya terus meningkat pada tahun 2015 dengan 841 tangkapan. Pada tahun 2016 (sehingga bulan April), jumlah tangkapan adalah sebanyak 368.

Jika diteliti kepada Laporan Ketua Audit Negara dan statistik jumlah tangkapan oleh SPRM sahaja, pelbagai persoalan timbul dan diperbahaskan oleh pelbagai pihak samada kerajaan, masyarakat sivil, ahli politik dan masyarakat umum. Pelbagai cadangan atau idea timbul dalam membentaras isu-isu yang tidak berintegriti ini.

Sesungguhnya, banyak tindakan dan perkara yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam membentaras jenayah rasuah dan pengamalan tidak berintegriti ini, dan ianya tidak hanya meliputi penguatkuasaan undang-undang semata-mata. Sebagai contoh Akta Pencegahan Rasuah 1997 telah memasukkan pendidikan sebagai salah satu komponen utama strategi Badan Pencegahan Rasuah (BPR) dalam membentaras jenayah rasuah di negara ini, dimana tumpuan utamanya adalah menyemai nilai-nilai etika dalam kalangan penjawat awam, masyarakat umum dan generasi muda.

Gerakan pemantapan integriti di negara ini kemudiannya diperkuatkan lagi dengan pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) pada April 2004. Selari dengan objektif umum PIN untuk merealisasikan cabaran keempat Wawasan 2020, INTEGRITI telah mengadakan pelbagai jenis pendekatan terhadap pelbagai jenis kumpulan sasaran dalam menjadikan integriti

sebagai budaya masyarakat. Usaha ini dimantapkan lagi apabila kerajaan telah memperkenalkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mengantikan BPR.

Penulis rasa bersyukur kerana Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah dilancarkan pada 7 April 2015 oleh kerajaan turut meletakkan Etika dan Kerohanian sebagai salah satu ciri utama yang perlu diterapkan kepada setiap murid. Menurut PPPM, kejayaan melahirkan rakyat yang menghayati nilai hanya tercapai jika setiap murid meninggalkan alam persekolahan sebagai seorang warga global yang telah dipupuk dengan nilai teras sejagat dan memiliki identiti nasional yang utuh. Nilai yang telah dipelajari akan diamalkan dalam kehidupan harian, yang seterusnya menghasilkan tingkah laku sivik, seperti peningkatan dalam aktiviti sukarela; penerimaan individu berlainan bangsa, agama dan etnik; menghindari perbuatan rasuah dan jenayah serta menunjukkan tingkah laku amanah dan berintegriti. Selain itu, setiap murid yang tamat persekolahan bersedia menjadi pemimpin bagi diri dan keluarga mereka, atau sebagai sebahagian daripada komuniti yang lebih besar, serta negara.

Jika "meluntur buluh biarlah dari rebungnya" dijadikan asas dalam menjadikan negara ini bebas dari rasuah dan seterusnya menjadikan integriti menjadi budaya, penulis percaya bahawa usaha pendidikan anti-rasuah diperingkat sekolah wajar dipergiatkan lagi dengan meningkatkan lagi kerjasama dan komitmen semua pihak termasuk ibu bapa, guru, kerajaan, masyarakat sivil dan masyarakat umum secara amnya. Begitu juga dengan kepentingan mempelbagaikan kaedah dan cara dalam menerap nilai-nilai integriti dalam kalangan murid-murid sekolah.

Walaupun begitu, tidak semestinya penerapan integriti dalam kalangan pelajar dapat dilaksanakan dengan hanya menjadikan integriti sebagai matapelajaran baru. Kita perlu prihatin dengan kekangan yang dihadapi oleh para guru dan pelajar berkaitan dengan jumlah mata pelajaran yang banyak. Mungkin pelbagai kaedah penyampaian dan penerapan integriti dalam kalangan generasi muda patut difikirkan.

Penulis tertarik dengan satu cadangan oleh Shah Nazir Alam, pegawai tinggi polis dari Pakistan pada tahun 1958 yang telah menjalankan kajian tentang cara menangani

rasuah di Malaysia. Beliau telah mencadangkan “kedai amanah” perlu diwujudkan di institusi-institusi terpilih (seperti di sekolah). Konsep “kedai amanah” adalah kedai yang menjual barang-barang bernilai rendah seperti gula-gula, pensil, pengasah pensil dan sebagainya yang dimahukan oleh kanak-kanak. Kedai ini tidak dijaga oleh pembantu kedai. Tanda harga diletakkan pada setiap barangan dan sebuah kotak wang diletakkan di atas meja untuk kanak-kanak yang membeli barang membuat pembayaran. Kaedah sebegini sesungguhnya akan melatih kanak-kanak menjadi seorang yang jujur dan beramanah.

Penulis sendiri telah mempunyai beberapa pengalaman berkaitan konsep “kedai amanah” ataupun “kotak kejujuran” dalam melakukan beberapa urusan pembelian ataupun pembayaran di New Zealand. Maka tidak hairan lah jika New Zealand menduduki tempat keempat dari 168 buah negara dalam Corruption Perception Index (CPI) 2014 yang dikeluarkan Transparency International (TI) dimana nilai

kejujuran itu sendiri telah menjadi salah satu nilai yang paling penting dalam budaya masyarakatnya.

Lantaran itu, penulis berfikir alangkah baiknya jika cadangan itu diperkenalkan di sekolah rendah agar prinsip “kejujuran” dan “kepercayaan” dapat disemai secara psikologi diminda kanak-kanak. Penulis turut percaya bahawa kaedah ini amatlah baik kerana ianya melatih para pelajar untuk mengamalkan nilai-nilai integriti, dan hanya melalui latihan dan pengamalan yang berterusan ianya akan menjadikan sebagai budaya.

Sebagai permulaan, mungkin inisiatif ini boleh dijadikan realiti oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan sekolah yang berkemampuan, serta mempunyai keazaman yang kuat untuk melihat generasi muda mereka bukan hanya pandai dan bijak semata-mata, bahkan menjadi generasi yang mempunyai pegangan dan pengamalan nilai murni yang kuat.

*\* Penulis ialah Penyelaras Program Institusi Politik*



### INTEGRITI DALAM KELUARGA: PANDUAN KE ARAH KELUARGA BAHAGIA

Buku ini membincangkan secara komprehensif mengenai pembudayaan integriti kekeluargaan, penjiwaan integriti keibubapaan, penghayatan integriti dari aspek psikologi remaja, pemerkasaan nilai, etika, serta akauntabiliti dalam konteks organisasi dan golongan khusus seperti wanita serta Orang Kurang Upaya. Ia menggabungkan artikel berbentuk konseptual dan empirikal yang menumpukan kajian mengenai kekeluargaan serta kaitannya dengan ciri integriti seperti daya tahan institusi keluarga, kehidupan keluarga yang bahagia dan sejahtera, kepimpinan keluarga, rasa hormat serta kepercayaan antara sesama ahli keluarga, gaya dan kemahiran keibubapaan, serta nilai, sikap dan tingkah laku positif dalam kalangan ahli keluarga.

Sem. Malaysia: RM45.00  
Sabah/Sarawak: RM55.00

Untuk pembelian, sila hubungi Pusat Ilmu INTEGRITI di talian 03-6209 2038 (Wan Kamaliah Wan Dagang) atau 03-6209 2039 (Mohd Fadzly Mohd Poad) atau e-mel [think@integriti.my](mailto:think@integriti.my).



# INSTIL INTEGRITY IN THE YOUNG

By Tan Sri Lee Lam Thye  
Published in New Straits Times Online,  
27 June 2016

Civil servants must develop a civil service culture which will help pave the way for the emergence of a dedicated, committed, efficient and ethical civil service.

All departments and agencies should aim to instil noble and ethical values among their staff to fight corruption.

Noble values and ethics in the public service are essential if we are going to have a clean, efficient and trustworthy administration.

The key values that should be a part of this work culture should include trust, a sense of responsibility, dedication, discipline, diligence, transparency and integrity. It is also essential for us to instil such values among the younger generation.

In this connection, the Malaysian Anti-Corruption Commission should intensify its anti-graft campaign in schools to educate the young in a long-term effort to combat corruption.

Bringing the anti-graft campaign to schools is the most fundamental approach to fighting corruption.

Teaching school children to loathe corruption in the same manner as they

are told to hate dadah is appropriate.

Malaysians must be constantly reminded of the importance of good values and ethics in their pursuit of self-advancement.

If Malaysia strives to become a fully-developed nation with a society that possesses high morals and ethics, priority must be given to the inculcation of values, morals and ethics, beginning with the young.

We cannot be fully developed in every aspect if we are wanting in values. The process of inculcating values should not only be the responsibility of the schools but also the home and workplace. The issue of morals and ethics should be of major concern to all Malaysians.

In Malaysia, we often come across many immoral and unethical issues, which are not only confined to economic activities but also in every other facet of human activity, such as in politics, sports and other areas.

Cases of fraud, criminal breach of trust, corruption and other forms of malpractices arising from greed and unethical practices are often the subject of media reports.

In our efforts to strive for the

attainment of a moral and ethical society, which is one of the nine challenges of Vision 2020, three fundamental issues need to be addressed.

- There must be political will on the part of the government and commitment by all sectors of society to put an end to all forms of corruption;
- There is a need to develop an ethical corporate climate coupled with good governance and making integrity the best policy as a truism, both in business activities and personal life: and,
- The people must be prepared to adopt a culture based on honesty, discipline and integrity as a way of life.

Just as we want to cultivate a caring culture, it is equally important to develop a culture based on discipline and honesty.


Here lies the biggest challenge to all Malaysians - how to make honesty and integrity away of life. It is by no means an easy task given the problems we have to encounter and the many temptations and greed of those who are never satisfied.

# MONEY, POLITICS, AND THE CONSTITUTION: BEYOND CITIZENS UNITED

*Publisher: Century Foundation Press*

*Published: 2011*

*Editor: Monica Youn*



“A brilliant collection of essays on one of the most important contemporary constitutional issues: when can and should the government be able to regulate campaign spending? Each essay offers original insights, and together they are a superb examination of the intersection of politics and constitutional law. If there is to be a new jurisprudence in this area, this book is likely its foundation.” — Erwin Chemerinsky, founding dean, School of Law, University of California–Irvine

In the U.S. Supreme Court case *Citizens United v. Federal Election Commission*, five justices ruled that corporations and unions had a constitutional right to spend unlimited sums in elections. In so doing, they overturned decades of precedent and dozens of laws. The ruling earned banner headlines, a sharp State of the Union rebuke, and public disapproval hovering near 80 percent in the polls. In the 2010 election that followed, independent spending spiked, much of it done secretly. The decision ranks among the Court’s most controversial and consequential.

This volume is an attempt to map out the complex labyrinth that led to *Citizens United* and to explore where this decision may lead. The chapters in it arose from a symposium sponsored by NYU’s Brennan Center for Justice just nine weeks after the *Citizens United* decision was announced.

# THE FISH ROTTS FROM THE HEAD: DEVELOPING EFFECTIVE BOARD DIRECTORS

*Publisher: Profile Books*


*Published 2010*

*Writer: Bob Garratt*

As a Chinese proverb says ‘The fish rots from the head’ and so it is with businesses and other organisations — the buck starts and stops in the boardroom. This third edition of Bob Garratt’s bestselling book that highlights the importance of effective corporate governance has been extensively updated following the corporate scandals of the early 2000s — Enron, WorldCom, Tyco — and the abysmal boardroom standards that the recent credit crunch and ensuing global financial crisis brought to light.

This new edition builds on the Learning Board model developed by the author and now widely used internationally by corporations and public sector organisations such as the NHS. The result is a thought-provoking and highly practical book that will be invaluable to all those with responsibility for corporate governance — and also those who subject them to scrutiny.

What Sir Adrian Cadbury, whose committee’s ground-breaking report on corporate governance was published nearly twenty years ago, said about the first edition remains as true today as ever: ‘No director can afford to ignore this book’.



# IGP: PDRM LAUNCHES INTEGRITY PLAN 2016-2020 TO PROVIDE WORLD-CLASS POLICING SERVICE

KUALA LUMPUR, June 21 — The Royal Malaysian Police Force today launched the PDRM Integrity Plan 2016-2020 to achieve the ultimate aim of providing world-class policing service to the society.

Inspector General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar said the plan was an extension to the PDRM Integrity Plan introduced earlier.

Khalid said the plan was aimed at charting the vision and mission of the Police force in realising the ultimate aim of becoming a world class police force and to provide a high standard of service to the community.

“I must admit that the practise of integrity is paramount in the police force to prepare themselves to face various challenges.

In short, the definition of integrity is doing the right thing in a positive way,” he said.

He said the plan was to ensure policemen can fully understand

the ethics and standard operating procedures.

Khalid was speaking to reporters after launching a book on Police Code of Ethics, PDRM Integrity Plan 2016-2020, Standard Compliance Manual and signing a memorandum of understanding with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), Institute of Integrity Malaysia (INTEGRITI) and Malaysian National Archives (ANM), here today.

The country’s top cop said the Integrity Plan has six elements, namely integrity, moral, ethics, religion, spiritual and professionalism.

“The six elements will be synergised to improve integrity in the police force and ensure policemen fully understood standard operating procedures,” he said.

Khalid said through the collaboration with the MACC, the police force would be able to share the expertise, information and training to raise the capacity of the force to combat crime and corruption. — Bernama

Source: *The Malay Mail Online*, 21 June 2016

## GALLERY / GALERI



### KUNJUNGAN

Pada 3 Jun lalu, seramai 21 orang pelajar Sarjana Pertadbiran Perniagaan bersama dua orang wakil dari *Montclair State University*, New Jersey datang berkunjung INTEGRITI. Sempena lawatan tersebut, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff berkesempatan berkongsi pelbagai maklumat dan pengetahuan. Antaranya ialah tentang suasana etnik dan agama di negara ini.



[www.integrity.my](http://www.integrity.my)

